

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAカン ]**

**TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [ KALABAカン ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 6) di Pulau Sebatik, Tawau yang telah beberapa tahun lalu diluluskan dan bila akan disiapkan memandangkan keperluannya sangat mendesak untuk 12,000 penduduk yang tinggal di 17 kampung di Pulau Sebatik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Projek pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 6) di Pulau Sebatik, Tawau adalah salah satu projek yang telah diluluskan pelaksanaannya di dalam *Rolling Plan* 1, Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11). Perancangan tapak pembinaan Klinik Kesihatan Pulau Sebatik pada asalnya adalah seluas lima (5) ekar telah dipohon kepada Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Pelan pembangunan Klinik Kesihatan Jenis 6 telah dirancang berdasarkan keluasan tapak lima (5) ekar tersebut.
  
2. Walaubagaimanapun, pewartaan tapak tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada Disember 2019 adalah hanya seluas 2.88 ekar sahaja. Kelulusan tapak baru ini memerlukan perancangan semula

## **SOALAN NO. 24**

pelan bangunan di tapak oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini dijangka ditender pada November 2020.

3. Bagi projek-projek akan datang yang melibatkan tanah Kerajaan Negeri, diharap Kerajaan Negeri dapat memudahcara proses perolehan tanah agar pelaksanaan projek berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.